



KOMIK

PERIBAHASA

SEKOLAH RENDAH,
SEKOLAH MENENGAH
&
MAKTAB RENDAH

e-Penerbitan 2025

Hak cipta terpelihara @ 2025 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan e-buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta e-buku ini.

ISBN: 978-981-94-4413-7

Diterbitkan dan direka bentuk oleh



**Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura**

Catatan

Pendapat dan pandangan yang terkandung dalam komik peribahasa ini merupakan pendapat dan karya kreatif guru-guru dan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Kandungan

PERKARA	MS
<u>Sekapur Sirih</u>	5
<u>Pengantar</u>	7
<u>Komik Peribahasa Sekolah Rendah</u> <u>Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah</u>	11
1. <u>Kaki ayam</u> 2. <u>Ambil berat</u> 3. <u>Berani mati</u> 4. <u>Hidung tinggi</u> 5. <u>Campur tangan</u> 6. <u>Bagai isi dengan kuku</u> 7. <u>Bagai tikus membaiki labu</u> 8. <u>Cubit paha kanan, paha kiri terasa juga</u> 9. <u>Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih</u> 10. <u>Umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul juga</u>	12
<u>Komik Peribahasa Sekolah Menengah</u> <u>Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah</u>	32
1. <u>Kuat ketam kerana sepit, kuat burung kerana sayap</u> 2. <u>Genggam bara api biar sampai jadi arang</u> 3. <u>Bukit sama didaki, lurah sama dituruni</u> 4. <u>Hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa</u> 5. <u>Hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati</u> 6. <u>Rosak badan kerana penyakit, rosak bangsa kerana laku</u> 7. <u>Serumpun bak serai, sesusun bak sirih</u> 8. <u>Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung</u> 9. <u>Condong ditumpil, lemah dianduh</u> 10. <u>Jika asal benih yang baik, jatuh di laut menjadi pulau</u>	33

Kandungan

PERKARA	MS
<u>Komik Peribahasa Maktab Rendah</u> <u>Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Maktab Rendah</u>	53
<u>Saranan Aktiviti Pembelajaran</u>	54
1. <u>Bagai cendawan tumbuh selepas hujan</u> 2. <u>Bagai mengepal pasir kering</u> 3. <u>Jangan bercermin di air keruh</u> 4. <u>Jikalau tidak berada-ada masakan tempua bersarang rendah</u> 5. <u>Khabar jauh didengar-dengar, khabar jauh difikir-fikir</u> 6. <u>Lebih ikan kerana sirip, lebih burung kerana sayap</u> 7. <u>Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa</u> 8. <u>Patah kemudi perahu hanyut</u> 9. <u>Pengayuh sudah di tangan, perahu sudah di air</u> 10. <u>Sebab nila setitik, rosak susu sebelanga</u>	55
<u>Rujukan</u>	65
<u>Jawatankuasa Penerbitan</u>	66
<u>Sekalung Budi</u>	67

Sekapur Sirih

*Norhayati Awang
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura*



Salam sejahtera para pembaca yang budiman,

Buat julung-julung kalinya, Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) telah berjaya menerbitkan bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bentuk komik. Usaha ini merupakan satu inisiatif yang kreatif dan inovatif untuk menjadikan pengajaran peribahasa lebih menyeronokkan, mudah difahami, serta mampu menarik minat para pelajar. Melalui pendekatan visual dan naratif yang menarik, bahan ini diharap dapat membantu pelajar menghayati serta memahami maksud peribahasa dengan lebih mendalam dan berkesan.

Komik Peribahasa ini dihasilkan susulan daripada Program Penyerapan yang telah dijalankan secara dalam talian untuk Guru Kanan dan Guru Peneraju pada tahun 2023. Para guru yang mengikuti program tersebut telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan yang diperoleh bersama rakan-rakan guru di sekolah masing-masing. Selain itu, pelbagai idea turut disarankan untuk memperkaya PdP Bahasa Melayu termasuklah inisiatif untuk membina bahan-bahan PdP Bahasa Melayu agar dapat memperkaya pengalaman pembelajaran para pelajar dengan pendekatan yang lebih kreatif dan bermakna.

Antara cadangan yang dikemukakan termasuklah pembinaan bahan PdP berkaitan pantun, masakan Melayu, nilai perubatan berasaskan flora, video pengajaran, aplikasi permainan dan pelbagai lagi pendekatan kreatif. MLCS menyambut baik saranan-saranan tersebut, namun menekankan kepentingan memilih idea yang bersifat praktikal dan mudah dilaksanakan. Pada awalnya, cadangan untuk membina aplikasi pengajaran peribahasa telah diterima. Namun, setelah diteliti dari segi kerumitan proses pembinaannya dan tahap keselarasan dengan hala tuju MLCS dan MOE, idea tersebut perlu dipertimbangkan semula. Seiring dengan kemajuan teknologi dan kemunculan kecerdasan buatan (AI), tercetuslah idea untuk membangunkan bahan pengajaran yang dapat dihasilkan dengan bantuan AI. Hasilnya, lahirlah Komik Peribahasa, satu inisiatif baharu yang bertujuan untuk menyokong PdP peribahasa di semua peringkat dengan pendekatan yang lebih menarik, mudah diakses dan sesuai dengan gaya pembelajaran generasi masa kini.

Pembinaan Komik Peribahasa dengan bantuan kecerdasan buatan (AI) ini dihasilkan dengan harapan agar para guru dapat memanfaatkan bahan tersebut sepenuhnya bagi menjadikan pengajaran peribahasa lebih menyeronokkan, bermakna dan relevan kepada pelajar. Melalui medium komik ini, guru diharapkan dapat berperanan sebagai pencetus idea dalam melaksanakan pelbagai aktiviti seperti perbincangan, kerja kolaboratif, lakonan, main peranan serta pembelajaran berasaskan inkuiri. Aktiviti-aktiviti ini berpotensi mengasah kemahiran berfikir dan komunikasi pelajar secara aktif.

Guru juga digalakkan untuk menggunakan bahan ini sebagai ruang untuk mengembangkan kemahiran komunikasi pelajar melalui sesi membaca, berbincang dan mempelajari peribahasa bersama rakan dan guru mereka. Sebagai tambahan, Komik Peribahasa ini boleh dimuat naik ke platform Student Learning Space (SLS), disertakan dengan pengalaman pembelajaran serta integrasi alat teknologi lain yang sesuai, bagi meningkatkan keberkesanan dan keterlibatan dalam pengajaran serta pembelajaran peribahasa.

Semoga inisiatif ini menjadi pemangkin kepada usaha berterusan dalam memperkaya kaedah pengajaran Bahasa Melayu yang kreatif, relevan dan bermakna.

Guru Cemerlang, Pelajar Budiman.
#MLCSmilikkitabersama!

Pengantar

Komik Sebagai Alat Pedagogi dalam Pembelajaran Bahasa

Pengenalan

Pembelajaran dipengaruhi oleh pendekatan pedagogi. Dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa, pendidik sentiasa memikirkan cara-cara inovatif dan berkesan untuk memperkaya PdP. Guru bahasa menggunakan pelbagai strategi untuk melibatkan pelajar dalam proses pembelajaran (Djamarah & Zain, 2010). Dalam pedagogi bahasa, komik digunakan untuk merangsang kreativiti dan menggalakkan pembelajaran menerusi visual. Urutan panel dalam komik memperkenalkan pelajar kepada penceritaan naratif dan ciri-ciri ini menjadikan komik sebagai bahan bacaan yang menarik untuk dibaca, sementara kesan visual membantu pelajar memahami kosa kata yang kurang difahami.

Komik merupakan satu sumber hiburan dan digemari oleh pelbagai peringkat umur manusia. Menurut Sarma (2016), penggunaan komik dalam bentuk bercetak mula digunakan dalam pendidikan dalam pertengahan kurun ke-20 di Amerika dan menjadi trend sebab komik dianggap sebagai media yang berkesan. Menurut Ramos (2006), komik merupakan lambang “lisan dalam bentuk tulisan”. Komik menjadi relevan bagi pembelajaran bahasa sebab komik memberikan pendedahan tentang bahasa dan budaya tempat komik tersebut dicipta atau dibina untuk pelajar.

Selain itu, komik merupakan salah satu sumber bacaan seronok yang menyokong amalan kemahiran membaca. Komik yang menyeronokkan boleh meningkatkan minat dan sikap pelajar, dan ini boleh meningkatkan keupayaan pelajar untuk belajar. Komik membantu untuk meningkatkan dan memperkaya kemahiran bahasa pelajar, membolehkan pelajar bersikap kreatif, menggalakkan bacaan dan kemahiran kosa kata serta meningkatkan pemerolehan kecekapan linguistik yang tinggi (Monoshri & Sheila, 2019).

Komik Sebagai Alat Pedagogi dalam Pembelajaran Bahasa

Komik sebagai alat pedagogi mempunyai daya tarikannya sendiri yang boleh dimanfaatkan oleh guru. Komik dianggap sebagai satu bentuk naratif secara visual yang dilukis mengikut stail kartun atau bergambar dalam panel yang berurutan. Komik berkomunikasi secara verbal atau bukan verbal menerusi representasi visual, buih-buih dialog, watak-watak dan mampu mencetuskan pemikiran aras tinggi seorang pembaca (Monoshri & Sheila, 2019). Kajian Monoshri & Sheila menunjukkan bahawa komik sebagai alat pengajaran dan pembelajaran mampu meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran bahasa Inggeris dan meningkatkan kemahiran membaca, bertutur, dan menulis pelajar.

Vasileios Zagkotas (2025) pula menegaskan bahawa komik merupakan alat inklusif yang mampu bukan sahaja membina kemahiran bahasa dan kreativiti tetapi juga kecekapan emosi yang diperlukan bagi pembangunan keseluruhan pelajar.

Menurut Graham (2011), komik dikenali ramai sebagai satu bentuk naratif visual dan memainkan peranan penting dalam metodologi pengajaran yang berpusatkan pelajar sebab komik bukan sahaja berperanan sebagai asas kepada pembelajaran yang menyeronokkan tetapi juga membantu pelajar memahami dan mendorong penggunaan bahasa dalam perbualan harian mereka. Komik bermanfaat dalam bilik darjah sebab guru boleh menggunakan komik sesuai dengan keperluan dan peringkat pelajar dan pada masa yang sama masih tetap mampu menarik perhatian pelajar.

Menurut Gilakjani, Ismail, & Ahmadi (2011), setiap pelajar mempunyai modaliti pembelajaran seperti visual, mendengar, membaca atau menulis, kinestetik, atau gabungan semua modaliti yang disebut sebagai pembelajaran multimodal. Proses PdP yang baik mengambil kira modaliti yang digemari oleh pelajar (Ersani, Suwastini, Padmadewi, & Artini, 2021). Salah satu modaliti yang selalu digunakan oleh pelajar ialah modaliti visual (Ariantini, Suwastini, Adnyani, Dantes, & Jayantini, 2021).

Dalam hal ini komik merupakan contoh teks multimodal yang menggabungkan perkataan dan gambar untuk melambangkan cerita (Budiman, Sada, & Wardah, 2018). Gabungan ini menyediakan modaliti visual yang mampu meningkatkan motivasi dan kreativiti pelajar termasuk juga menggalakkan proses penulisan kreatif (Chirkova, Chernovets, & Zorina, 2019).

Kesesuaian Jalur Komik Sebagai Alat Pedagogi PdP

Menurut para pakar (Poai, 2018; Rengur & Sugirin, 2019), dua bentuk komik yang dikenali ramai ialah Buku Komik (Comic Book) dan Jalur Komik (Comic Strips). Buku Komik merupakan novel atau kumpulan cerita dalam bentuk grafik, teks dan maklumat visual yang lain. Sementara Jalur Komik pula lebih pendek walaupun mempunyai ciri-ciri yang sama seperti Buku Komik. Jalur Komik mempunyai satu cerita yang disusun dalam bentuk gambar dan kotak dialog (Al Faruq & Nurhalimah, 2019; Rengur & Sugirin, 2019).

Menurut kajian-kajian yang dijalankan, penggunaan Jalur Komik dalam PdP mampu merangsang kecekapan pelajar dalam pembelajaran bahasa dan meningkatkan tumpuan dan sikap yang positif dalam proses pembelajaran (Kilickaya & Krajka, 2012; Sharma, 2020; Syafii, 2019). Tambahan, Jalur Komik juga membantu dari segi perluasan kosa kata, ekspresi, tatabahasa, dan penulisan karangan. Jalur Komik juga boleh digunakan untuk membina literasi visual pelajar. Selain itu, menurut Sharma (2020), Jalur Komik boleh meningkatkan pemahaman pelajar tentang penggunaan bahasa sebab ia membolehkan pelajar memahami bahasa yang mudah yang digunakan dalam Jalur Komik. Oleh sebab-sebab yang dinyatakan, Jalur Komik dianggap sesuai dengan sistem pendidikan masa kini (Chaikovska, 2018).

Penggunaan Jalur Komik didapati sesuai untuk tujuan PdP bahasa. Da Silva et al. (2017), Sarma (2016), dan Syafii (2019) menyatakan bahawa penggunaan gambar dalam Jalur Komik membolehkan suasana menjadi menarik dan pelajar berasa seronok untuk menyampaikan perasaan mereka dalam proses pembelajaran. Penggunaan Jalur Komik akan membolehkan pelajar belajar bahasa secara seronok dan menarik. Jalur Komik merangsang pelajar untuk menjana idea dan menjadi perantara untuk membina dan menggunakan bahasa sasaran (Megawati & Anugerahwati, 2012).

Suatu ketika dahulu, penulisan dan penerbitan komik merupakan satu pekerjaan yang memerlukan pembiayaan yang mahal sebab dibina secara tradisional menggunakan lukisan tangan. Namun, dengan perkembangan teknologi, guru boleh membina komik mereka sendiri melalui aplikasi yang boleh didapati secara percuma atau pun berbayar. Dengan kepesatan teknologi AI, pembinaan komik menjadi lebih mudah dan termampu. Kesemua jalur komik yang dihasilkan dalam Komik Peribahasa ini dibina dengan menuil penggunaan ChatGPT (Dall-e) dan Microsoft Copilot.

Komik Peribahasa Dikategorikan dalam Komik Pendidikan

Cerita dalam bentuk komik berbeza dari segi stail dan tujuan. Dalam konteks pendidikan dan pembangunan pelbagai kemahiran termasuk kemahiran emosi, kita boleh membezakan tiga jenis komik iaitu (1) Komik pendidikan, yang dibina secara spesifik bagi tujuan pedagogi, (2) Komik literasi, komik yang mengandungi nilai kesusasteraan atau diadaptasi daripada hasil kesusasteraan, dan (3) novel grafik atau buku-buku komik berdasarkan cerita panjang (Monoshri & Sheila, 2019). Dalam konteks ini, Komik Peribahasa yang dihasilkan ini boleh dikategorikan sebagai Komik Pendidikan, iaitu komik yang dibina dengan tujuan untuk mengajar konsep, kemahiran atau nilai-nilai tertentu yang terkandung dalam peribahasa, serta memperkenalkan pelajar kepada *weltanschauung* atau *world view* masyarakat Melayu atau cara pandang masyarakat Melayu menerusi peribahasa yang diperkenalkan.

Komik Peribahasa yang dibina dalam Buku Komik Peribahasa ini berbentuk Jalur Komik dengan harapan pendekatan pedagogi ini akan menyuntik kesegaran dan merangsang pelajar untuk berfikir secara kritis dalam PdP peribahasa dalam kalangan pelajar. Seperti yang dimaklumkan, penggunaan komik bukanlah satu idea baharu dalam PdP. Namun penggunaan komik merupakan satu strategi inovatif bagi memperkaya pedagogi bahasa. Diharapkan, penggunaan jalur komik bagi pembelajaran peribahasa akan menjadikan pelajar lebih tertarik dan membantu serta menyokong proses pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan.

Saranan Aktiviti Pembelajaran Berdasarkan Komik

Berikut merupakan antara beberapa saranan aktiviti pembelajaran semasa melaksanakan pembelajaran berdasarkan Komik Peribahasa termasuklah yang berikut:

1. Membaca dan perbincangan berdasarkan komik
2. Membina komik di bilik darjah – menuil kemampuan teknologi
3. Main peranan berdasarkan komik
4. Perbincangan tentang “Apakah akan berlaku jika ...”
5. Membina dairi komik atau menghasilkan sumber Koleksi Komik (Digital)
6. Pengajaran dan pembelajaran berasaskan inkuiri
7. Melaksanakan PdP berasaskan Pertuturan Dialogik, dll.

Semoga penerbitan Komik Peribahasa ini dapat dimaksimumkan oleh para guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan, merangsang pelajar untuk berfikir dan menyampaikan pemikiran mereka untuk mempelajari peribahasa dan maknanya mengikut konteks yang sesuai.



KOMIK PERIBAHASA

SEKOLAH RENDAH

KAKI AYAM

Maksud: tidak memakai alas kaki



PERIBAHASA: KAKI AYAM

MAKSUD: TIDAK MEMAKAI ALAS KAKI

CONTOH AYAT

*Julaiha ber**kaki ayam** masuk ke bilik darjah sebab ada murid lain yang telah menyembunyikan kasut sekolahnya ketika dia bermain di padang sekolah.*

MAKLUMAT/FAKTA

Pernahkah kamu melihat kaki ayam? Lihat gambar yang disediakan. Begitulah rupa dan bentuk kaki ayam. Lihat kaki ayam tersebut. Ayam tersebut tidak memakai alas kaki atau kasut pada kakinya. Ayam berjalan ke sana ke mari tanpa memakai alas kaki. Manusia yang berjalan atau berlari ke sana dan ke mari tanpa memakai alas kaki seperti kasut, sandal dan selipar diibaratkan seperti kaki ayam. Manusia perlu memakai alas kaki pada kaki mereka untuk mengelakkan kaki mereka terpijak objek atau benda yang tajam yang boleh mengakibatkan kaki mereka cedera atau luka. Atau kaki mereka mungkin kotor kerana terpijak barang atau objek seperti lumpur, kotoran, najis binatang dan lain-lain lagi.

NARATIF

Rumah Hadi berdekatan dengan sekolahnya. Pada suatu pagi, Hadi tergesa-gesa ke sekolah. Dia baru sedar kasutnya masih basah selepas dicuci malam tadi. Tanpa berfikir panjang, dia terus ber**kaki ayam** ke sekolah. Di perkarangan sekolah, ramai murid berasa pelik.

“Kenapa awak berkaki ayam?” tanya Cikgu Sarah.

Hadi tersipu malu lalu menjawab, “Kasut saya belum kering, Cikgu.”

Cikgu Sarah tersenyum dan berkata, “Ber**kaki ayam** bermaksud tidak memakai alas kaki. Hadi mesti memakai kasut ke sekolah sebab itu merupakan peraturan sekolah. Lain kali, siapkan awal-awal ya.”

Sejak itu, Hadi belajar untuk lebih bersedia dan tidak lagi ke sekolah tanpa kasut.

PERBINCANGAN

Mengapakah orang yang tidak memakai alas kaki digelar berkaki ayam? Jelaskan akibat berjalan ke sana dan ke mari tanpa memakai alas kaki.

AMBIL BERAT

Maksud: memberikan perhatian dengan bersungguh-sungguh.



PERIBAHASA: AMBIL BERAT

MAKSUD: MEMBERIKAN PERHATIAN DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH

CONTOH AYAT

Dian **ambil berat** keadaan rakan sekelasnya yang jatuh sakit dengan mengunjungi rumah kawannya untuk bertanya khabar selepas waktu sekolah.

MAKLUMAT/FAKTA

Pernahkah kamu dibantu oleh rakan-rakan semasa di sekolah? Mengapakah mereka membantu kamu? Rakan-rakan yang suka membantu kita sebenarnya ambil berat tentang diri kita. Mereka memberikan perhatian dengan sungguh-sungguh dan akan menawarkan bantuan atau pertolongan ketika kita kehilangan dompet, tertinggal pena atau pensel dan lain-lain lagi. Sikap **ambil berat** pada orang lain akan mengeratkan hubungan dan persahabatan kerana orang yang mendapat bantuan berhutang budi kepada kita.

NARATIF

Pada suatu hari, Aisyah melihat rakan sekelasnya, Farid, kelihatan sedih ketika waktu rehat. Farid duduk sendirian sambil menunduk, wajahnya sayu. Tanpa berlengah, Aisyah menghampiri Farid dan bertanya, “Kenapa muka awak sedih, Farid?”

Farid memberitahu bekalan makanannya tertinggal di rumah. Mendengar itu, Aisyah segera berkongsi bekalan makanannya. Farid tersenyum lega dan mengucapkan terima kasih. Tindakan Aisyah menarik perhatian rakan-rakan lain; mereka turut berkongsi bekalan makanan mereka walaupun sedikit. Melalui sikap ambil berat ini, Farid tidak berasa sendirian lagi, malah ikatan persahabatan mereka semakin erat.

Sejak hari itu, Aisyah, Farid dan rakan sekelasnya sentiasa memastikan rakan-rakan mereka mendapat perhatian. Mereka akan memastikan rakan-rakan mereka yang mempunyai masalah akan dibantu. Sikap tolong-menolong dan **ambil berat** antara satu sama lain dipuji oleh guru-guru.

PERBINCANGAN

Mengapakah kita perlu meng**ambil berat** tentang ahli keluarga atau rakan-rakan kita?

BERANI MATI

Maksud: berani atau tidak takut untuk menghadapi bahaya



PERIBAHASA: BERANI MATI

MAKSUD: BERANI ATAU TIDAK TAKUT UNTUK MENGHADAPI BAHAYA

CONTOH AYAT

Ismadi **berani mati** berenang di tepi sungai walaupun sudah diberitahu di situ ada buaya.

MAKLUMAT/FAKTA

Sikap **berani mati** merupakan sikap yang menunjukkan keberanian seseorang walaupun perlu menghadapi bahaya. Ada kalanya seseorang itu mempunyai sikap berani mati kerana ada sebab atau motivasi yang kuat sehingga menyebabkan dia tidak takut mati untuk melakukan sesuatu perkara. Ada kalanya pula seseorang itu berani mati tanpa sebab-sebab yang rasional. Oleh sebab itu, kita perlu rasional apabila kita ingin menunjukkan keberanian kita.

NARATIF

Ismadi sudah dinasihatkan oleh ayahnya supaya tidak mandi di sungai yang berdekatan. Kata ayahnya, orang-orang kampung pernah melihat buaya berenang di sungai tersebut. Namun Ismadi berdegil juga. Dia mengajak kawan-kawannya untuk berenang di sungai tersebut.

“Kawan-kawan, lepas sekolah petang nanti, ayuh kita berenang di tepi sungai!” Ismadi mengajak kawan-kawannya.

“Saya takut. Kata orang, ada buaya di sungai itu,” kata kawannya, Ismail.

“Awak semua jangan takutlah. Saya ada. Saya akan halau buaya itu,” kata Ismadi dengan sombongnya.

Petang itu, Ismadi dan beberapa orang rakannya berenang di sungai di hujung kampung. Ismadi berani mati berenang di sungai itu walaupun sudah diberitahu ada buaya. Ada orang kampung yang memberitahu bapanya mengenai perkara itu. Bapa Ismadi pun marah lalu bergegas pergi ke sungai tersebut. Ismadi dimarahi bapanya dan disuruh pulang ke rumah. Mujurlah Ismadi tidak lama di dalam sungai. Rupa-rupanya, ada seekor buaya sedang berenang ke arah mereka waktu itu.

PERBINCANGAN

Bincangkan sikap **berani mati** yang ditunjukkan Ismadi dalam cerita ini.

HIDUNG TINGGI

Maksud: Sombong



1 Pada suatu petang, Cikgu Aisyah memberi tugas untuk membina model rumah kampung.



2 Dani diajak untuk menyelesaikan tugas secara berkumpulan.



3 Dani pulang ke rumah dan membuat tugasannya seorang diri.



4 Syabas! Awak berjaya menghasilkan tugas yang baik secara berkumpulan.



5 Para pelajar lain berjaya membina model rumah kampung yang lebih menarik secara berkumpulan.



6 Dani menyesal kerana bersikap hidung tinggi atau sombong. Dia hanya berjaya menghasilkan sebuah model rumah kampung yang biasa.

PERIBAHASA: HIDUNG TINGGI

MAKSUD: SOMBONG

CONTOH AYAT

*Juriah memandang rendah dan **hidung tinggi** terhadap rakan-rakannya sebab kedua-dua orang tuanya merupakan usahawan yang kaya raya.*

MAKLUMAT/FAKTA

Sikap **hidung tinggi** merupakan sikap suka memandang rendah kepada orang lain sebab berfikir bahawa dirinya lebih baik daripada orang lain. Adakala seseorang bersikap hidung tinggi kerana kekayaannya atau kerana kecerdikannya. Sikap hidung tinggi ini menyebabkan seseorang bersikap tidak mahu menerima pandangan atau tidak mahu berkawan dengan orang lain yang dirasakan tidak sama taraf dengan dirinya. Jika kita sombong atau hidung tinggi, kita akan dibenci oleh orang lain. Sikap **hidung tinggi** biasanya akan membuat orang lain menyisihkan diri daripada kita.

NARATIF

Rohan merupakan anak tunggal. Ibu bapanya sangat menyayangi Rohan. Segala permintaan Rohan selalu dipenuhi. Rohan sentiasa memakai kasut dan membawa beg sekolah berjenama yang mahal ke sekolah. Oleh sebab sudah terbiasa dengan kemewahan yang diberikan oleh kedua-dua ibu dan bapanya, Rohan memandang rendah kawan-kawannya.

“Saya tidak suka berkawan dengan awak semua sebab kasut dan beg awak berharga murah,” Rohan mengejek rakan-rakannya yang memakai kasut yang berharga murah dan tidak secantik kasut atau beg yang dipakainya.

Rohan bersikap **hidung tinggi** sebab kawan-kawannya tidak memiliki kasut dan beg sekolah semahal beg atau kasutnya. Oleh sebab sikap Rohan yang hidung tinggi, Rohan tidak disukai oleh rakan-rakannya. Mereka berasa sedih kerana kata-kata yang diucapkan oleh Rohan amat menyakiti hati mereka. Satu persatu kawan-kawannya menjauhkan diri daripada berkawan dengan Rohan. Jika kita hidung tinggi, ramai kawan akan lari.

PERBINCANGAN

Apakah yang akan kamu lakukan sekiranya kawan baik kamu bersikap **hidung tinggi**?

Campur Tangan

Maksud: Campur urusan orang

1 Suatu hari, dua wanita bertengkar hebat di tepi jalan...



2 Mak, mereka bergaduh! Kita perlu hentikan!



3 Berhenti! Jangan bergaduh lagi!



4 Mengapa engkau campur tangan!



5 Kan Mak dah pesan... jangan campur urusan orang



6 Inilah akibatnya bila kita campur urusan orang. Boleh datangkan mudarat.



PERIBAHASA: CAMPUR TANGAN

MAKSUD: CAMPUR URUSAN ORANG

CONTOH AYAT

*Hadi tidak suka Mariam **campur tangan** dalam pertenggaran antara dia dengan Junaidi pada waktu rehat semalam.*

MAKLUMAT/FAKTA

Biasanya, kita tidak suka dan tidak mahu orang lain **campur tangan** dalam perkara yang kita lakukan. Kita lebih suka melakukan sesuatu dan menyelesaikan perkara yang kita lakukan sendiri. Kita tidak mahu orang lain **campur tangan** dalam urusan kita sebab orang lain mungkin tidak tahu sebab-sebab kita melakukan sesuatu. Kita juga tidak mahu orang lain memandai-mandai untuk menegur atau menasihati kita sedangkan orang itu tidak tahu kedudukan perkara yang sebenar.

NARATIF

Hadi kecewa dengan sikap Junaidi sebab Junaidi tidak bertimbang rasa. Hadi sudah menunggu Junaidi hampir 1 jam di kantin sekolah sebab Junaidi berjanji untuk pulang bersama-sama selepas sekolah. Setelah lama menunggu, barulah Junaidi tiba di kantin.

“Oh Hadi, awak masih di sini? Saya terlupa yang awak menunggu saya. Mengapa awak tidak balik saja dahulu,” kata Junaidi seperti berasa tidak bersalah walaupun Hadi telah menunggu selama satu jam.

Junaidi juga tidak meminta maaf atau menjelaskan sebab dia lambat. Oleh sebab itu, Hadi memarahi Junaidi dan menganggap Junaidi sebagai seorang kawan yang tidak setia. Semasa mereka bertengkar di kantin sekolah, Mariam tiba-tiba cuba untuk meleraikan pertenggaran antara Hadi dengan Junaidi. Hadi bertambah marah sebab Mariam sebenarnya tidak tahu punca dia marah dengan Junaidi. Hadi tidak suka orang lain yang tidak tahu menahu tentang perkara yang menyebabkan dia bertengkar dengan Junaidi **campur tangan** dalam perkara tersebut.

PERBINCANGAN

Adakah kita bersalah jika kita **campur tangan** dalam urusan rakan kita sedangkan kita tahu bahawa tujuan kita itu baik? Bincangkan.

Bagai Isi dengan Kuku

Maksud: sangat rapat



PERIBAHASA: BAGAI ISI DENGAN KUKU

MAKSUD: SANGAT RAPAT

CONTOH AYAT

*Sarah dan Medina berkawan rapat sejak mereka di darjah satu lagi dan persahabatan mereka **bagai isi dengan kuku**.*

MAKLUMAT/FAKTA

Jika kita perhatikan, fungsi kuku adalah untuk melindungi isi atau daging pada jari-jari kita. Kuku dan isi sentiasa bersama-sama. Kedua-duanya seolah-olah melekat dan tidak pernah berpisah. Pernahkah kamu mengalami kecederaan pada kuku dan jari kamu? Seandainya kuku kita itu tercabut daripada jari kita disebabkan kemalangan atau akibat terjatuh, rasa sakitnya pasti tidak dapat kita bayangkan. Kuku dan isi sentiasa bersama-sama setiap saat. Jika dipisahkan, pasti sakit rasanya.

NARATIF

Sarah dan Medina sudah berkawan sejak di darjah 4 lagi. Walaupun mereka tinggal di kawasan perumahan yang berbeza, perkara ini tidak menghalang mereka untuk berkawan rapat. Persahabatan mereka mula menjadi rapat ketika mereka berdua berpeluang untuk mengikuti sebuah pertandingan menulis cerita yang dianjurkan oleh sebuah sekolah menengah. Mereka telah dipilih oleh Cikgu Zubir untuk mewakili sekolah.

“Medina, kita boleh membuat persediaan bersama-sama untuk pertandingan nanti,” Sarah memberikan sananan.

Medina bersetuju dengan cadangan Sarah. Sarah dan Medina saling bantu-membantu untuk menyediakan diri bagi pertandingan tersebut. Selepas waktu sekolah, mereka berdua meneliti dan berlatih bersama-sama untuk menghasilkan cerita yang menarik. Mereka sering berbincang dan saling menggalakkan antara satu sama lain. Sejak peristiwa tersebut, persahabatan mereka menjadi rapat. Mereka sering belajar, makan dan bermain bersama-sama. Ibu dan bapa kedua Sarah dan Medina tidak menghalang persahabatan mereka berdua. lagipun, Sarah dan Media selalu belajar bersama-sama dan berjanji ingin ke sekolah menengah yang sama. Persahabatan mereka menjadi akrab **bagai isi dengan kuku**.

PERBINCANGAN

Apakah hubungan antara kuku dan isi? Apakah akan terjadi kepada jari-jari kita sekiranya kuku kita cedera? Apakah fungsi kuku?

1

BAGAI TIKUS MEMBAIKI LABU

Maksud: Hendak membaiki sesuatu yang tidak diketahui, akhirnya menjadi lebih rosak



2



Alamak! Bagaimana pasu bunga ini boleh retak?

3



Kami boleh baiki. Cikgu, kita akan gunakan gam.

4



Eh, kenapa retak makin besar pula ni?

5



Baik, kau henti gunakan gam itu.

6



Jika tidak tahu jangan cuba baiki. Pasu itu akan bertambah rosak.

PERIBAHASA: BAGAI TIKUS MEMBAIKI LABU

MAKSUD: HENDAK MEMBAIKI SESUATU YANG TIDAK DIKETAHUI, AKHIRNYA BERTAMBAH ROSAK

CONTOH AYAT

*Salim dimarahi ibunya kerana memandai-mandai cuba membaiki telefon bimbit kakaknya hingga menjadi lebih rosak dan tidak dapat digunakan lagi dan perbuatan Salim itu **bagai tikus membaiki labu**.*

MAKLUMAT/FAKTA

Binatang tikus gemar makan sayur-sayuran seperti kentang, labu, lobak merah, kekacang, salad, tomato dan lain-lain. Cuba bayangkan sekiranya kita letakkan buah labu dan seekor tikus dalam sangkar. Pasti labu itu akan menjadi rosak dan rupa bentuk labu itu tidak seperti bentuk asal sebab dimakan oleh tikus.

NARATIF

Badrul tersenyum apabila teringat tentang kawannya Farhan. Pada minggu yang lalu, Badrul dan Farhan berbasikal di kawasan taman berdekatan dengan rumah mereka. Sedang mereka berkayuh, tiba-tiba basikal Badrul terhenti secara mendadak. Mujur Badrul tidak tercampak kerana dia sempat melompat turun. Rupa-rupanya basikal Badrul rosak. Bahagian pedal amat sukar dikayuh.

“Saya boleh bantu awak. Saya juga boleh baiki basikal awak,” Farhan beria-ia benar untuk membantu.

Farhan dan Badrul menolak basikal Badrul ke bawah kolong flat rumah Farhan. Farhan segera naik ke rumahnya untuk mengambil perkakas seperti *spanner* dan *screwdriver*. Farhan mula melepaskan beberapa *screw* di bahagian roda basikal sehingga roda belakang basikal dikeluarkan daripada tempatnya. Setelah itu, Farhan mengatakan bahawa dia tidak tahu untuk memasang semula roda basikal yang telah dikeluarkan. Perbuatan Farhan **bagai tikus membaiki labu**. Farhan meminta maaf sebab sebenarnya dia tidak tahu membaiki basikal. Dia hanya ingin cuba-cuba sebab pernah melihat bapanya membaiki basikal menggunakan *screwdriver* dan *spanner*. Akhirnya, mereka berdua membawa basikal Badrul yang rosak ke kedai basikal untuk dibaiki.

PERBINCANGAN

Sekiranya kita tidak tahu membaiki sesuatu, kita jangan memandai-mandai untuk mengatakan yang kita tahu cara membaikinya. Berbincang dengan rakan dan kongsi pandangan kamu.

Cubit paha kanan, paha kiri terasa juga

Maksud: apabila seseorang teraniaya, kaum keluarganya akan terasa juga



Farah berasa sedih. Dia tidak tahu apa yang perlu dilakukan.



Seorang pelajar berbadan besar suka membuli adik Farah.



Nadia menyarankan agar Farah memberitahu Cikgu Normah.



Cikgu Hairi mahu segera bertemu Farah. Masalah buli perlu diatasi.



Cikgu Hairi memahami perasaan Farah. Cubit paha kanan, paha kiri terasa juga.



Pelajar yang membuli telah dimarahi dan dikenakan tindakan disiplin.

PERIBAHASA: CUBIT PAHA KANAN, PAHA KIRI TERASA JUGA

MAKSUD: APABILA SESEORANG TERANIAYA, KAUM KELUARGANYA JUGA TERASA

CONTOH AYAT

*Walaupun bukan dirinya sendiri yang dituduh, Serena tetap terasa juga sebab kakaknya dituduh sebagai pembohong oleh jiran-jiran mereka, **cubit paha kanan, paha kiri terasa juga**.*

MAKLUMAT/FAKTA

Hubungan kekeluargaan amat sensitif. Kenyataannya, hubungan kekeluargaan antara adik beradik sangat rapat. Apa yang terjadi kepada adik beradik kita, biasanya akan menjejaskan diri kita juga. Kita juga berasa sedih kalau sesuatu yang buruk berlaku pada ahli keluarga kita. Kita juga boleh berasa marah sekiranya ahli keluarga kita teraniaya. Begitulah rapatnya hubungan kita dengan ahli keluarga kita.

NARATIF

“Adik kamu terlibat dalam kemalangan. Orang yang melanggar dia telah melarikan diri,” ayah memberitahu berita sedih itu kepada Ruhil.

Ruhil tidak dapat menahan perasaan marahnya apabila mendapat tahu bahawa adiknya cedera setelah motor yang ditunggangnya melanggar secara sengaja oleh sebuah kereta. Pemandu kereta tersebut telah melarikan diri dan tidak dapat dikesan. Ruhil marah sebab adiknya teraniaya dan mengalami kecederaan yang teruk sehingga perlu dirawat di hospital selama seminggu. Walaupun bukan dirinya sendiri yang cedera, Ruhil dapat merasakan kesakitan yang dialami adiknya. Ruhil marah sebab kelakuan pemandu kereta tersebut tidak bertanggungjawab. Sepatutnya, pemandu kereta itu memberhentikan keretanya dan membantu adiknya yang telah melanggar.

Walaupun bukan dirinya sendiri yang cedera akibat kemalangan tersebut, Ruhil dapat merasakan kesakitan yang dialami adiknya dan pada masa yang sama marah. Seperti kata peribahasa Melayu, “**Cubit paha kanan, paha kiri pun terasa juga**”. Perkara itulah yang membuat Ruhil berasa begitu marah kepada pemandu yang tidak bertanggungjawab itu.

PERBINCANGAN

Sekiranya kakak kamu dituduh mencuri sedangkan belum terbukti, adakah kamu juga akan berasa marah? Jelaskan pendapat kamu itu.

Hendak Seribu Daya, Tak Hendak Seribu Dalih

Maksud: Kalau mahu, berusaha bersungguh-sungguh tetapi kalau tidak mahu, memberikan bermacam-macam alasan.

Ini Johan

1



Setiap hari, Johan akan mengulangkaji pelajarannya.

Ini Zaki

2



Dia selalu berikan alasan apabila disuruh belajar.

3



Johan akan pastikan dia membuat latihan yang secukupnya.

4



Zaki tidak tahu banyak perkara.

Peperiksaan tiba ...

5



6

Akhirnya Johan berjaya!



Zaki pula gagal.

PERIBAHASA: HENDAK SERIBU DAYA, TAK HENDAK SERIBU DALIH

MAKSUD: KALAU MAHU, BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH TETAPI KALAU TIDAK MAHU, AKAN MEMBERIKAN BERMACAM-MACAM ALASAN

CONTOH AYAT

*Najib bertekad untuk lulus cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun dan oleh sebab itulah dia berusaha bersungguh-sungguh belajar bak kata peribahasa, “**hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih**” demi mencapai cita-citanya itu.*

MAKLUMAT/FAKTA

Dalam hidup ini, biasanya kita ada dua pilihan iaitu hendak melakukan sesuatu dengan rela atau melakukan sesuatu kerana terpaksa atau dipaksa. Apabila kita melakukan sesuatu yang kita suka, kita berasa terdorong untuk melakukan perkara itu sebaik yang mungkin sebab kita suka. Namun jika kita tidak suka, biasanya kita tidak akan melakukan perkara itu dengan bersungguh-sungguh. Kita akan memberikan sebab atau dalih untuk tidak melakukan perkara yang kita tidak suka lakukan.

NARATIF

Kedua-dua ibu dan bapa Husin perlu ke Kuala Lumpur untuk menjenguk saudara mereka yang sakit tenat di sebuah hospital di sana.

“Semasa ayah dan ibu tiada di rumah, pastikan rumah sentiasa bersih. Sapu lantai dan cuci baju-baju sekolah dan baju-baju yang kotor setiap hari,” pesan bapanya kepada Husin.

Ibu bapa Husin juga berpesan agar Husin mencuci pinggan mangkuk yang digunakan. Selama ini, semua kerja rumah dilakukan oleh ibu Husin. Husin hanya sekali-sekala membantu apabila disuruh oleh ibunya. Setiap kali diminta untuk melakukannya kerja-kerja rumah, Husin akan memberikan banyak alasan untuk tidak melakukannya. Ini kerana, Husin tidak suka membuat kerja rumah.

Setelah ditinggalkan oleh ibu dan bapa ke Kuala Lumpur, barulah Husin sedar bahawa membuat kerja-kerja rumah setiap hari bukanlah mudah. Apabila Ibu bapa Husin pulang dari Kuala Lumpur, mereka terperanjat kerana keadaan rumah mereka kotor dan tidak terurus. Husin memberikan pelbagai alasan termasuk penat, banyak kerja sekolah, balik lambat dan macam-macam lagi.

PERBINCANGAN

Apakah kamu akan lakukan sesuatu yang diminta oleh kedua-dua ibu dan bapa kamu untuk lakukan dengan sepenuh hati atau bersungguh-sungguh? Bincangkan.

"Umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul juga".
Maksud: Orang yang baik di mana sekalipun, akan dimuliakan juga.

Di kawasan tempat tinggalnya



Dani membantu jiran-jirannya membersihkan halaman rumah mereka.

2



Dani membantu jirannya yang sudah tua dengan membersihkan rumah mereka.

Di sekolah



Dani selalu membantu rakan-rakannya yang tidak memahami pelajaran.

4

Di padang bola




Dani seperti seorang jurulatih. Dia memberikan tunjuk ajar kepada rakan-rakan.

5



Dani juga mengumpulkan suratkhbar lama untuk dikitar semula.

6



Dani menyelamatkan dan memberi minum kucing yang terbiar.

PERIBAHASA: UMPAMA MINYAK SETITIK, DI LAUT SEKALIPUN TIMBUL JUGA
MAKSUD: ORANG YANG BAIK DI MANA SEKALIPUN, AKAN DIMULIAKAN JUGA

CONTOH AYAT

Pak Haron selalu membantu jiran-jiran yang dalam kesusahan dan dia dihormati “umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul juga” oleh jiran-jiran yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

MAKLUMAT/FAKTA

Minyak dan air tidak pernah bercampur walaupun kedua-duanya merupakan cecair. Jika kita letakkan air di dalam cawan dan kemudian kita bubuh setitik minyak di dalam cawan tersebut, kita akan dapati bahawa minyak yang setitik itu tidak larut dalam air malahan timbul di permukaan.

NARATIF

Marhani merupakan pelajar bijak sejak di bangku sekolah lagi. Marhani banyak melakukan kerja-kerja kemasyarakatan membantu golongan masyarakat yang susah seperti anak-anak yatim, orang-orang tua dan juga keluarga susah. Setelah dewasa, Marhani berpeluang untuk melanjutkan pelajarannya di negara asing di Barat. Semasa belajar di luar negara, Marhani meneruskan usahanya membantu golongan susah sebab dia suka membantu golongan orang yang memerlukan bantuan.

“Saya fikir, kita patut menubuhkan sebuah persatuan bagi membantu golongan yang memerlukan dengan lebih tersusun dan berkesan,” Marhani memberikan saranan kepada rakan-rakannya.

Kawan-kawan Marhani menyokong. Mereka menubuhkan sebuah persatuan pelajar yang memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar yang bermasalah. Di samping itu, Marhani juga menyarankan agar persatuan itu turut membantu golongan susah yang berada di kawasan tempat mereka belajar. Persatuan yang diketuai oleh Marhani berjaya mengumpulkan dana untuk membantu golongan masyarakat yang tidak mempunyai tempat tinggal. Atas usaha persatuan pelajar tersebut, ramai golongan masyarakat susah mendapat bantuan. Perbuatan Marhani dihormati, “umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul juga”

PERBINCANGAN

Mengapakah kita selalu dinasihatkan supaya berbuat baik dengan sesiapa sahaja walaupun di tempat atau negara orang lain? Apakah pandangan kamu tentang perkara ini? Bincangkan.

KOMIK PERIBAHASA

SEKOLAH MENENGAH





Aman seorang yang pintar. Dia selalu memikirkan masalah kerja yang dihadapi rakan-rakannya.



Oleh sebab itu, dia mudah menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku.



Kepintaran Aman akhirnya membuahkan hasil apabila dia dilantik sebagai pengurus syarikat.



Rakan-rakannya juga sering merujuk kepada Aman untuk mendapatkan nasihat.



Bukan itu saja, segala arahan yang diberikan Aman akan diikuti kerana mereka menghargai Aman.



Aman bertekad untuk terus memberikan yang terbaik bagi memajukan syarikatnya.

“Kuat ketam kerana sepit, kuat burung kerana sayap”

Maksud: Kuat atau berkuasa kerana mempunyai sesuatu kelebihan

PERIBAHASA: KUAT KETAM KERANA SEPIT, KUAT BURUNG KERANA SAYAP
MAKSUD: KUAT ATAU BERKUASA KERANA MEMPUNYAI SESUATU KELEBIHAN

MAKLUMAT/FAKTA

Cuba kita perhatikan haiwan ketam. Ketam hidup dalam air dan mempunyai kulit yang keras. Kita berasa takut atau gerun melihat sepit ketam yang tajam dan keras. Kita boleh bayangkan betapa sakitnya jari atau kaki kita sekiranya disepit oleh ketam. Kelebihan ketam ada pada sepitnya. Bagaimana pula dengan haiwan burung? Di manakah kekuatan atau kelebihan seekor burung? Mengapakah burung mampu terbang di awan yang tinggi? Apakah yang akan terjadi sekiranya burung kehilangan sayapnya?

NARATIF

Haris dan Hasyim belajar di sekolah yang sama. Mereka berdua sama-sama menjadi anggota pasukan bola sepak sekolah. Mereka mewakili sekolah dalam pertandingan bola sepak antara sekolah dan tahun ini sekolah mereka berjaya menjadi juara.

“Cikgu berharap, dalam setiap perlawanan, kamu berdua harus saling menyokong dan melengkapi bagi memastikan pasukan bola sepak kita mampu mengalahkan pasukan lain,” nasihat Cikgu Sulaiman kepada Haris dan Hasyim.

Haris dan Hasyim mempunyai corak permainan yang berbeza tetapi saling melengkapi. Hasyim bermain sebagai pemain pertahanan. Hasyim merupakan pemain pertahanan yang gigih dan mampu mengawal bola dengan baik. Hasyim mampu membaca gerak permainan lawan dan berjaya menghalang pemain penyerang lawan daripada menembusi pertahanan pasukan bola sepak sekolahnya. Haris pula bermain sebagai pemain penyerang. Selain cekap mengawal dan mengelecek bola, Haris mampu membuat pertahanan lawan keletihan dengan larian lajunya dan kemampuannya memperdayakan pemain lawan. Hasyim dan Haris masing-masing mempunyai kelebihan, kuat ketam kerana sepit, kuat burung kerana sayap. Kedua-dua pemain ini merupakan anggota pasukan bola sepak sekolahnya yang digeruni oleh pemain lawan. Tidak hairanlah jika pasukan bola sepak sekolah berjaya menjadi juara tahun ini.

PERBINCANGAN

Setiap manusia mempunyai kelebihan dan kekuatan mereka sendiri. Cuba fikirkan, di manakah letak kelebihan dan kekuatan kamu sendiri. Kongsi kekuatan dan kelebihan kamu dengan rakan-rakan atau guru.



"Genggam bara api, biar sampai jadi arang"

Maksud: hendaklah bersabar dan tabah semasa membuat sesuatu pekerjaan yang susah, sehingga mencapai kejayaan

PERIBAHASA: GENGGAM BARA API, BIAR SAMPAI JADI ARANG

MAKSUD: HENDAKLAH BERSABAR DAN TABAH SEMASA MEMBUAT SESUATU PEKERJAAN YANG SUSAH SEHINGGA MENCAPAI KEJAYAAN

MAKLUMAT/FAKTA

Bagi kita yang hidup dan tinggal di bandar, susah untuk kita melihat bara api. Dapur di rumah-rumah kita tidak lagi menggunakan bara api untuk memasak. Bara api itu panas. Jika kita mahu bara api itu kembali menjadi arang semula, kita perlu menggenggamnya agar apinya mati. Tentulah proses itu amat sukar dan menyakitkan. Untuk menyelesaikannya, kita perlu bersabar dan menahan kesakitan sebelum bara api tadi berubah kembali menjadi arang.

NARATIF

Syarifah merupakan wanita pertama yang telah diterima untuk menyandang tugas dalam syarikat yang kesemua pekerjaannya merupakan pekerja lelaki. Ketika itu, Syarifah telah ditawarkan untuk mengetuai sebuah projek.

“Saya yakin dan mampu mengetuai projek ini Bos,” tegas Syarifah kepada majikannya.

Oleh sebab itulah, Syarifah dilantik untuk mengetuai sebuah pasukan untuk menghasilkan sebuah aplikasi berteraskan AI bagi menyokong pembelajaran berterusan bagi warga senja. Syarifah masih ingat lagi pesan ibunya agar “genggam bara api biar sampai jadi arang”. Peribahasa itu mendorong dirinya untuk cekal, bersabar dan tabah semasa membuat sesuatu pekerjaan yang susah, sehingga mencapai kejayaan. Walaupun mengetuai sebuah projek yang dianggotai oleh kesemuanya lelaki kecuali dirinya sendiri, Syarifah memanfaatkan kepakaran masing-masing dan dia menunjukkan aspek kepimpinannya dengan memberikan contoh teladan yang baik. Selaku ketua, dia selalu datang awal dan pulang paling lewat. Dia mencabar setiap anggota pasukannya untuk menjana idea yang kreatif, dan setiap cadangan dihargai. Walaupun ada anggota pasukan yang hampir putus asa, Syarifah cekal memberikan kata-kata semangat. Syarifah memuji setiap sumbangan yang diberikan oleh setiap anggota pasukan. Akhirnya, segala kerja keras dan kesabaran Syarifah serta kumpulannya berjaya menghasilkan sebuah aplikasi yang mudah tetapi menepati keperluan warga emas termasuk dari segi reka bentuk, pemilihan warna, saiz dan jenis fon yang digunakan dan lain-lain lagi.

PERBINCANGAN

Bincangkan satu peristiwa yang kamu alami atau tahu yang menepati makna peribahasa “Genggam bara api biar sampai jadi arang”.



"Bukit sama didaki, lurah sama dituruni"
Maksud: Sepakat atau mengharungi kesenangan dan kesusahan bersama-sama.

PERIBAHASA: BUKIT SAMA DIDAKI, LURAH SAMA DITURNI

MAKSUD: SEPAKAT ATAU MENGHARUNGI KESENANGAN DAN KESUSAHAN BERSAMA-SAMA

MAKLUMAT/FAKTA

Misi untuk mendaki dan menuruni bukit atau pun gunung bukanlah satu misi atau aktiviti yang mudah dilakukan. Untuk para pendaki bukit atau gunung, mereka lebih memilih untuk mendaki bersama-sama atau secara berpasukan. Mengapa? Cuba kamu fikirkan sebab-sebabnya.

NARATIF

Siti baru saja dilantik sebagai ketua operasi untuk menyelaraskan urusan syarikat di Asia Tenggara. Sebagai ketua, tugas tersebut bukanlah mudah. Siti akur bahawa dia tidak dapat melakukan semua tugas dan tanggungjawab seorang diri tanpa sokongan daripada rakan-rakan sekerjanya.

“Aku tidak akan mampu melakukan tugas-tugas ini dengan baik seorang diri. Aku perlu bantuan dan sokongan semua anggota pasukan ini untuk berjaya,” kata Siti dalam hatinya.

Oleh sebab itu, Siti mula menanamkan nilai-nilai kekeluargaan dalam syarikat yang diketuainya. Dia memastikan semua rakan dan pekerjaanya memainkan peranan mereka sebaik yang mungkin. Tugas memajukan syarikat bukanlah perkara yang mudah. Siti menyemai sikap untuk saling bekerjasama dan saling menyokong, untuk melaksanakan tugas-tugas yang sukar. Semua sumbangan para pekerjaanya dihargai. Kejayaan yang diraih diraikan bersama-sama dan cabaran yang dihadapi diharungi bersama. Berkat kesungguhan dan keikhlasannya untuk sama-sama memajukan syarikat bersama-sama para pekerjaanya, mereka menghormati dan menghargai Siti sebagai ketua mereka dan rela bekerjasama, susah dan senang bersama-sama untuk memajukan syarikat mereka. Perkara ini menjadi motivasi kepada setiap pekerja untuk melakukan yang terbaik demi membantu syarikat meraih pencapaian cemerlang.

PERBINCANGAN

Andaikan kamu dan keluarga kamu menghadapi sebuah masalah, adakah masalah itu akan menjadi lebih mudah untuk diatasi jika setiap anggota keluarga cuba menyelesaikan masalah itu secara sendiri-sendiri atau bersama-sama? Bincangkan.

Pak Cik Zaidi seorang yang suka berbuat baik kepada semua orang. Selagi dia hidup, Pak Cik Zaidi mahu berbuat baik.



Sejak kecil, Pak Cik Zaidi telah dididik oleh ibunya supaya berbuat baik kepada semua orang tanpa mengira bangsa.



Apabila mendengar jirannya ditimpa kesusahan, Pak Cik Zaidi tidak berlengah untuk melawat dan membantu.



Pada bulan Ramadan, Pak Cik Zaidi sukarela mengagihkan bubur kepada masyarakat tanpa mengira bangsa atau agama.



Anaknya Ramli mewarisi keperibadian mulia Pak Cik Zaidi. Ramli juga suka membantu jiran-jirannya.



Kehadiran Pak Cik Zaidi dan Ramli memberi manfaat kepada orang di sekelilingnya. Mereka bertekad untuk melakukan kebaikan selagi mereka hidup.



"Hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa"

Maksud: Berbuat baik kepada orang lain atau kepada masyarakat selagi kita masih hidup

PERIBAHASA: HIDUP KAYU BERBUAH, HIDUP MANUSIA BERJASA

MAKSUD: BERBUAT BAIK KEPADA ORANG LAIN ATAU KEPADA MASYARAKAT SELAGI KITA MASIH HIDUP

MAKLUMAT/FAKTA

Orang-orang tua dahulu sering memberikan perbandingan apabila memberikan nasihat. Contohnya, kehidupan sebuah pokok dibandingkan dengan kehidupan manusia. Sebagai pokok, diharapkan setiap pokok akan menghasilkan buah yang boleh memberikan manfaat kepada manusia atau makhluk lain. Sebagai manusia pula, kita diharapkan mampu untuk melakukan sesuatu yang baik untuk masyarakat atau berbuat baik kepada orang lain barulah dikatakan bahawa hidup ini bermakna atau bererti.

DESKRIPTIF

Antara nilai kehidupan yang baik dan mulia adalah membantu orang lain. Kita sering diajar oleh ibu bapa dan guru kita untuk berbuat baik kepada orang lain. Pasti sikap membantu orang lain yang memerlukan merupakan nilai-nilai kehidupan yang mulia dan membawa keseimbangan dalam hidup bermasyarakat. Orang yang berkemampuan dan mempunyai kelebihan membantu golongan yang kurang bernasib baik. Sikap berjasa kepada orang lain ini membawa keharmonian dalam hidup bermasyarakat dan menimbulkan rasa cinta dan sayang. Cuba bayangkan seandainya hidup kita ini hanya untuk diri sendiri. Sekiranya hal ini berlaku, maka pincanglah kehidupan kita dalam masyarakat. Pasti perasaan curiga dan benci akan menjadi-jadi. Manusia akan hidup dalam keadaan tidak berperikemanusiaan. Akan hilanglah rasa kasih sayang, simpati dan empati dalam diri manusia. Manusia akan hidup sama seperti haiwan, tanpa perasaan simpati dan kasihan pada kehidupan orang yang melarat atau ditimpa kesusahan. Akan hilanglah rasa hormat-menghormati dalam masyarakat dan masyarakat akan menjadi kucar kacir. Oleh sebab itu, setiap manusia diharapkan akan hidup sebagai seorang individu yang bukan hanya mementingkan diri sendiri tetapi juga orang lain yang memerlukan pertolongan atau bantuan. Paling tidak pun adalah berbuat baik dan berjasa pada keluarga sendiri. Sebagai kebiasaannya, manusia akan menghargai bantuan yang diberikan dan mereka akan cuba sedaya upaya untuk mengembalikan kebaikan yang diterima dengan membantu orang lain pula. Oleh sebab itu, selagi kita hidup, kita haruslah membantu orang-orang yang memerlukan bantuan dan sokongan semampu kita.

PERBINCANGAN

Benarkan sebagai manusia kita perlu menyumbang dan berbakti, atau berjasa kepada orang lain? Bincangkan apa yang akan berlaku sekiranya manusia hanya hidup demi kepentingan dirinya sendiri sahaja.



Kehidupan keluarga Pak Karim menjadi susah setelah dia terlibat dalam satu kemalangan. Pak Karim lumpuh.




Pak Osman, jiran Pak Karim, sering datang melawat dan membantu semasa Pak Karim terlantar di hospital.



Isteri Pak Osman turut menjaga anak-anak Pak Karim semasa isteri Pak Karim pergi bekerja.



Pak Osman selalu membantu Pak Karim dengan memberikan bantuan kewangan. Beban Pak Karim menjadi ringan sedikit.



Terima kasih Osman. Budi baik yang awak hulurkan akan saya ingat sampai bila-bila.

"Hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati"
Maksud: Budi baik orang haruslah diingat selama-lamanya.

PERIBAHASA: HUTANG EMAS BOLEH DIBAYAR, HUTANG BUDI DIBAWA MATI

MAKSUD: BUDI BAIK ORANG HARUSLAH DIINGAT SELAMA-LAMANYA

MAKLUMAT/FAKTA

Emas amat berharga kepada manusia sebab bukan mudah untuk mendapatkan emas. Namun dalam masyarakat Melayu yang amat mementingkan “budi”, budi dianggap lebih penting dan mulia berbanding emas. Selagi masih hidup, hutang emas boleh dibayar semula dengan “emas”, wang atau barang berharga yang harganya setara dengan “emas” yang dihutangi. Namun, sekiranya berhutang budi, tidak mampu dibayar dengan apa cara sekalipun. Sebab itulah, selagi seseorang itu hidup, jasa baik yang dibuat akan dikenang sampai bila-bila.

NARATIF

Walaupun Marliana hanyalah seorang anak angkat, Haji Karim dan isterinya tidak pernah membeza-bezakan antara dia dengan anak kandungnya sendiri. Marliana dibesarkan dengan penuh kasih sayang. Haji Karim menyekolahkan Marliana hingga ke menara gading.

“Ayah akan selalu menyokongmu nak. Ayah doakan agar kamu berjaya,” Itulah kata-kata Haji Karim yang menyentuh hati Marliana ketika dia ingin melanjutkan pelajarannya di luar negara.

Kebaikan yang dicurahkan oleh Haji Karim dan isterinya, tidak dapat Marliana lupakan sepanjang hayatnya. Walaupun dia anak angkat mereka, Marliana tidak pernah berasa terasing. Dia dilayan dengan penuh kasih sayang oleh Haji Karim dan isterinya dan juga oleh anak kandung Haji Karim sendiri. Marliana berjanji dalam hatinya untuk membalas jasa baik Haji Karim dan keluarga dengan belajar bersungguh-sungguh demi membahagiakan dan membanggakan keluarga Haji Karim. Marliana berhutang budi kepada keluarga Haji Karim. Memang benar kata peribahasa Melayu, “hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati”. Walau apapun yang Marliana lakukan, dia tidak akan dapat membalas kebaikan dan jasa Haji Karim sekeluarga terhadap diri. Kebaikan Haji Karim akan Marliana kenang sampai bila-bila.

PERBINCANGAN

Mengapakah emas dianggap satu objek yang berharga kepada manusia? Jika emas itu berharga, mengapa dalam peribahasa ini “berhutang emas boleh dibayar” tetapi “berhutang budi dibawa mati”? Manakah yang lebih berharga, emas atau budi?


1 Dahulu Salim seorang pelajar yang rajin.



2 Namun, sejak dia bergaul dengan kawan-kawan yang ponteng sekolah, dia mula berubah.



3 Salim dan kawan-kawannya suka mengganggu pelajar perempuan di pusat beli-belah.



4 Salim dan kawan-kawannya akan bermain gitar di bawah blok dan membuat bising.



5 Kelakuan Salim bertambah buruk. Dia sering terlibat dalam pergaduhan.



6 Setelah tamat sekolah, Salim tidak berubah. Sikap dan kelakuannya bertambah buruk. Kelakuan buruk Salim memalukan keluarga, masyarakat dan dirinya sendiri.



"Rosak badan kerana penyakit, rosak bangsa kerana laku"
Maksud: Seseorang yang berkelakuan buruk akan memberikan kesan kepada diri sendiri, keluarga serta bangsanya.

PERIBAHASA: ROSAK BADAN KERANA PENYAKIT, ROSAK BANGSA KERANA LAKU
MAKSUD: SESEORANG YANG BERKELAKUAN BURUK AKAN MEMBERIKAN KESAN
KEPADA DIRI SENDIRI, KELUARGA SERTA BANGSANYA.

MAKLUMAT/FAKTA

Pernahkah kita fikirkan bahawa tindak tanduk atau perkara yang kita lakukan bukan sahaja memberikan kesan kepada diri saja tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan mungkin juga negara. Sebab itulah kita perlu menjaga nama baik kita terutamanya jika kita berada di luar negara.

DESKRIPTIF

Ada orang melakukan sesuatu perkara tanpa memikirkan kesan daripada perbuatannya terhadap orang lain. Dia tidak peduli jika tindakannya akan menjejaskan orang lain apatah lagi menjejaskan masyarakatnya. Ada seseorang yang bersikap individualistik yang hanya mementingkan dirinya sendiri sahaja. Sikap seperti ini sebenarnya merupakan sikap yang mementingkan diri sendiri. Jika kita teliti, tindakan buruk yang kita lakukan terutamanya jika dilakukan di khalayak ramai akan memberikan kesan buruk bukan sahaja kepada diri kita sendiri tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan bangsa sendiri. Contohnya ketika kita bersikap kurang sopan atau biadab dalam pengangkutan awam seperti bas. Jika kita duduk di tempat duduk yang dikhaskan untuk orang-orang tua atau orang-orang yang memerlukan, penumpang lain akan beranggapan negatif terhadap kita. Para penumpang akan menganggap kita kurang ajar atau biadab. Jika jiran kita pula melihatnya, mereka akan menganggap ibu bapa kita tidak mendidik kita dengan baik. Ada pula yang membuat kesimpulan berdasarkan warna kulit lalu menganggap bahawa ‘semua orang Melayu’ biadab atau tidak sopan kerana perbuatan kita itu. Jika kita memakai uniform sekolah semasa melakukan sesuatu yang kurang sopan dalam pengangkutan awam, nama baik sekolah juga turut tercemar sedangkan yang melakukannya bukan sekolah tetapi pelajarannya. Kadang kala kita menonton di Youtube tentang kelakuan sesetengah pelancong dari negara asing yang berkelakuan kurang sopan atau menjijikkan di tempat awam. Tanggapan negatif terhadap pelaku dan bangsanya turut berlaku dan nama baik negaranya juga terbabit sama. Oleh itu benarlah kata peribahasa, “rosak badan kerana penyakit, rosak bangsa kerana laku”.

PERBINCANGAN

Fikirkan peristiwa lain yang menepati makna peribahasa ini. Kemudian kongsi dengan rakan-rakan kamu.

1 Sejak di menengah satu, Joni, Kamal dan Ravi sudah bersahabat baik.



Mereka bertiga selalu bersatu padu melakukan perkara bersama-sama. Mereka saling melengkapi.

2



Ketika Joni dibuli, Kamal dan Ravi datang membantu. Pelajar nakal itu tidak berani mengganggu Joni lagi.

3




Apabila menyelesaikan tugas sekolah, mereka bersatu padu dan bekerjasama menghasilkan tugas yang terbaik.

4



Sebagai pemain pertahanan, kombinasi mereka sukar ditembusi. Pemain lain kagum dengan permainan mereka yang teratur.

5



Sebagai ketua pelajar, mereka menyusun tugas-tugas mereka dengan rapi.

6



Sikap positif dan bekerjasama mereka bertiga sering mendapat pujian daripada guru-guru.

"Serumpun bak serai, sesusun bak sirih"
Maksud: Bersatu padu dalam segala hal.

PERIBAHASA: SERUMPUN BAK SERAI, SESUSUN BAK SIRIH

MAKSUD: BERSATU PADU DALAM SEGALA HAL

MAKLUMAT/FAKTA

Penjodoh bilangan bagi pokok serai ialah rumpun yang digunakan untuk tumbuhan yang mempunyai akar yang sama, tumbuh anak-beranak. Untuk daun sirih pula penjodoh bilangannya ialah susun, yang menjelaskan keadaan daun-daun sirih yang tumbuh berderet-deret dan tersusun rapi. Peribahasa serumpun bak serai dan sesusun bak sirih menggambarkan keadaan sekelompok manusia yang hidup bersatu padu dalam segala hal sebagaimana yang digambarkan oleh keadaan pokok serai dan sirih itu sendiri.

DESKRIPTIF

Masyarakat Melayu memandang tinggi aspek hidup bermasyarakat, bersatu padu dan bekerjasama. Oleh sebab itulah ada beberapa peribahasa yang menekankan akan pentingnya bersatu padu, bermuafakat dan bekerjasama dalam segala hal yang dilakukan. Sikap bersatu padu amat dianjurkan dalam kalangan anggota keluarga, masyarakat termasuklah di peringkat negara. Serumpun bak serai, sesusun bak sirih merupakan peribahasa yang menekankan aspek bersatu padu dalam segala perkara. Apabila sesebuah masyarakat itu bersatu padu, para anggotanya mempunyai keterikatan yang sama sebagai sebuah masyarakat yang utuh, seia dan sekata dalam melakukan sesuatu perkara bersama-sama sebagaimana serai yang hidup serumpun, akarnya membiak dan menumbuhkan serai-serai yang lain. Umpama sirih yang tersusun rapi dan indah, begitulah keadaan masyarakat yang bersatu padu yang saling menyokong, sepakat, tersusun, berderet-deret dan padu dalam melaksanakan perkara yang dipersetujui bersama. Masyarakat Melayu menggalakkan anggota masyarakatnya untuk hidup bergotong-royong, bermuafakat, saling menyokong dan sekata agar keadaan hidup bermasyarakat menjadi harmoni. Orang Melayu amat mementingkan hidup bermasyarakat dan perkara ini terpancar dalam pemerhatian mereka tentang alam lalu dilahirkan dalam peribahasa untuk menyampaikan pemikiran dan nilai-nilai kehidupan yang mereka sanjung tinggi. Peribahasa “Serumpun bak serai, sesusun bak sirih” menggambarkan masyarakat yang teratur, saling sokong-menyokong, bermuafakat, bantu-membantu, dan bersatu padu dalam banyak perkara yang melibatkan masyarakat itu sendiri.

PERBINCANGAN

Bincangkan peribahasa Melayu yang lain yang memaparkan makna bermuafakat, bekerjasama dan saling bantu-membantu antara satu sama lain.

1



Sejak di bangku sekolah, Amir bercita-cita untuk belajar di luar negara. Dia berhasrat untuk pergi ke banyak negara lain.

2



Semasa belajar di Amerika, dia dapati orang barat lebih terbuka dan berani menyuarakan pendapat mereka. Amir akur budaya di sana.

3



Ketika melawat negara Jepun, dia dapati orang Jepun sangat mementingkan kebersihan dan memiliki etika kerja yang kuat.

4



Di Thailand, ramai rakyatnya beragama Buddha. Amir menghormati kelembutan dan keramahan masyarakat Thailand.

5



Di Indonesia pula, Amir menghormati layanan mesra yang diberikan terhadap pelancong dan tetamu asing.

6



Amir mengingatkan anak-anaknya ...

... penting untuk menghormati adat dan ikut peraturan ketika berada di negara orang lain.

"Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung"

Maksud: Menghormati atau menurut adat dan peraturan di tempat yang didiami.

PERIBAHASA: DI MANA BUMI DIPIJAK, DI SITU LANGIT DIJUNJUNG

MAKSUD: MENGHORMATI ATAU MENURUT ADAT DAN PERATURAN DI TEMPAT YANG DIDIAMI

MAKLUMAT/FAKTA

Keadaan dunia hari ini membolehkan kita untuk pergi ke mana sahaja tempat di dunia ini dengan mudah, sama ada untuk tujuan berniaga, bekerja, belajar atau melancong. Namun yang jelas, di mana kita berada, kita tertakluk dengan peraturan dan undang-undang tempat tersebut. Kita tidak ada pilihan lain kecuali mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.

DESKRIPTIF

Orang Melayu dahulu sebenarnya suka merantau atau belayar ke negara lain untuk bekerja atau belajar. Dari dahulu lagi, orang-orang Melayu yang terdiri daripada pelbagai suku dan kaum hidup di alam Melayu memang suka merantau dari satu pulau ke pulau yang lain dan dari negeri ke negeri yang lain. Alam Melayu ini dianggap seperti sebuah ‘kampung’ yang besar dan mereka sering berhijrah, merantau dan tinggal atau menetap di tempat-tempat lain di nusantara ini. Oleh sebab itu, tidak hairanlah jika di Malaysia, kita boleh bertemu dengan orang-orang dari Aceh, Jawa, Batak, Madura, Dayak dan lain-lain lagi. Begitu juga di Indonesia atau di Singapura kita boleh menemui suku-suku dari pelbagai tempat di nusantara ini. Sesetengah daripada mereka juga sudah menjadi orang tempatan yang telah menetap dan berumah tangga di tempat-tempat yang baharu. Seseekali, mereka akan pulang ke tempat asal kelahiran untuk menjenguk sanak saudara yang masih hidup. Ada antara orang Melayu ini merantau ke luar negara seperti di Thailand, Laos, Kemboja, China, India, Arab, Afrika dan malah ke Eropah. Orang-orang Melayu yang merantau ke luar negara ini dapat menyesuaikan diri mereka dengan mengamalkan peribahasa Melayu “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung” yang bermaksud menghormati atau menurut adat dan peraturan di tempat yang didiami. Oleh sebab itulah mereka tidak mengalami banyak masalah untuk menyesuaikan diri dengan peraturan dan undang-undang di negara lain sebab mereka menghormati adat dan peraturan tempat mereka tinggal.

PERBINCANGAN

Sebagai warganegara Singapura, kamu bangga dengan undang-undang negara sendiri. Apakah yang akan terjadi sekiranya kamu tidak mematuhi undang-undang di negara lain ketika kamu berada di luar negara? Bincangkan.



1

Selamat pagi
Mak Senah.

Setiap pagi Ana bertemu seorang
pekerja pembersihan dan menegurnya.



2

Mak Senah
sakit.

Satu pagi, Ana tidak melihat Mak Senah.



3

Apa khabar
Mak Cik?

Ana mendapat tahu, Mak Senah hidup
seorang diri. Mak Senah tinggal di rumah
satu bilik. Tiada siapa yang menjaganya.



5

Terima kasih Ana ...

Ana memberitahu dia akan cuba dapatkan
bantuan untuk Mak Senah.



4

Mak Senah sangat memerlukan bantuan.

Dengan bantuan Ana, Mak Senah
ditempatkan di rumah tumpangan warga
emas yang selesa dan mendapat rawatan.



7

Masih ramai lagi warga emas yang
senasib dengan Mak Senah di
kawasan ini. Mereka sangat
memerlukan bantuan.

Pertolongan Ana ibarat condong
ditumpil, lemah dianduh - membantu
mereka yang benar-benar memerlukan.



6

Bagaimana dengan
keadaan Mak Senah?

Saya sihat,
terima kasih.

"Condong ditumpil, lemah dianduh"

Maksud: Memberikan bantuan kepada seseorang yang memerlukan

PERIBAHASA: CONDONG DITUMPIL, LEMAH DIANDUH

MAKSUD: MEMBERIKAN BANTUAN KEPADA SESEORANG YANG MEMERLUKAN

MAKLUMAT/FAKTA

Tumpil bermaksud menopang, menyangga atau menyokong sesuatu. Jika ada pokok yang condong, pokok itu akan ditumpil agar tidak roboh dan jatuh ke bumi. Anduh pula bermaksud kain yang diikat pada sesuatu yang lemah (contoh tangan yang cedera atau lemah) agar tidak terkulai patah. Sesuatu yang condong dan hampir roboh perlu ditumpil, sementara anggota tubuh yang lemah perlu dianduh agar dapat disokong agar pulih semula.

NARATIF

Shazwani sering melihat kawannya Adila kelihatan sedih sejak beberapa hari yang lalu. Apabila ditanya mengapa bersedih, Adila hanya tersenyum tawar dan mengatakan bahawa dia kurang sihat. Namun Shazwani seolah-olah dapat memahami bahawa Adila sedang bersedih dan sedang berhadapan dengan satu masalah yang berat. Cuma Adila tidak mahu berkongsi atau menceritakan kesedihannya dengan orang lain.

“Adila, awak ada masalahkah? Jika awak ada masalah, beritahu sayalah. Mungkin saya boleh bantu,” Kata Shazwani kepada Adila.

Namun Adila tidak mahu bercerita. Esoknya, Adila tidak datang ke sekolah. Selepas sekolah, Shazwani terus menuju ke rumah Adila. Adila ada di rumah. Dia sedang bersiap untuk ke hospital. Ibu Adila telah dimasukkan ke hospital pagi itu kerana terjatuh. Bapanya pula berada di luar negara. Jika Adila pergi ke sekolah pagi itu, tiada sesiapa yang akan menjaga adiknya di rumah. Shazwani mula memahami keadaan Adila. Setelah pulang ke rumah, Shazwani menceritakan kisah Adila kepada Ibunya. Memandangkan Ibu Shazwani sudah mengenali keluarga Adila, ibunya menawarkan diri untuk menjaga adik Adila sementara ibunya dirawat di hospital dan bapa Adila belum pulang dari luar negara. Shazwani amat gembira dengan cadangan yang diberikan oleh ibunya. Shazwani dan ibunya pun berangkat ke hospital untuk menawarkan bantuan kepada Adila dan keluarganya. Adila dan ibunya sangat terharu dengan pertolongan yang diberikan oleh Shazwani dan ibunya. Pertolongan yang diberikan umpama “condong ditumpil, lemah dianduh”.

PERBINCANGAN

Kawan baik kamu memerlukan sokongan. Dia tidak boleh fokus dalam pelajarannya dan lebih suka menonton klip video TikTok. Apakah jenis sokongan yang sesuai yang akan kamu berikan? Bincangkan.



1 Sejak kecil lagi, Arif dididik dengan baik oleh ibu dan bapanya. Arif berakhlak mulia.



2 Di sekolah, Arif selalu membantu rakan-rakannya dalam pelajaran.



3 Semasa belajar di Politeknik, Arif selalu membantu rakan-rakan dan melaksanakan projek bersama-sama.

Semasa menjalani perkhidmatan negara, Arif seorang sarjan yang prihatin dan bertanggungjawab. Dia dihormati oleh rakan-rakannya.



4 Ibu bapanya bangga mempunyai anak yang baik dan dihormati di mana saja dia berada.



5 Arif ingat pesan Ibu dan Ayah untuk berbuat baik.



"Jika asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau"
Maksud: Orang yang baik, biar di mana pun tempatnya akan terus baik

PERIBAHASA: JIKA ASAL BENIH YANG BAIK, JATUH KE LAUT MENJADI PULAU
MAKSUD: ORANG YANG BAIK, BIAR DI MANA PUN TEMPATNYA AKAN TERUS BAIK

MAKLUMAT/FAKTA

Sekiranya seseorang mendapat didikan dan asuhan yang baik sejak kecil lagi, ke mana dia pergi apabila dia dewasa, dia tetap akan berbuat baik. Didikan dan asuhan yang baik perlu dimulakan sejak kecil lagi agar seseorang itu membesar dengan nilai-nilai yang baik dan kukuh.

NARATIF

Farhan anak kepada Encik Ahmad dan Puan Siti. Farhan diasuh dan dibesarkan dengan kasih sayang dan dididik dengan nilai-nilai agama dan sopan santun agar berakhlak mulia.

“Farhan harus selalu menghormati orang lain tidak kira muda atau tua. Hargailah orang-orang di sekelilingmu nak dan berbuat baiklah kepada orang lain tanpa mengenal bangsa atau agama,” Ayahnya berpesan kepada Farhan.

Farhan membesar menjadi insan berakhlak mulia. Setelah Farhan dewasa, dia berpeluang untuk bertugas di luar negara. Walaupun hatinya berat untuk meninggalkan kedua-dua ibu bapanya, mereka merestui pemergian Farhan untuk menimba pengalaman bekerja di luar negara. Mereka percaya, Farhan akan meraih pengalaman hidup yang amat berharga dan Farhan akan menjadi insan yang lebih bijaksana. Semasa di luar negara, Farhan ingat segala nasihat dan tunjuk ajar yang disampaikan oleh kedua-dua orang tuanya. Oleh itu, Farhan menjalankan tugasnya sebaik mungkin dan sentiasa berbuat baik dengan semua orang yang berada di sekelilingnya. Kesungguhan dan kebaikan Farhan diperhatikan oleh majikannya serta rakan-rakan sekerjanya yang lain. Mereka mula mempercayai Farhan kerana kesungguhannya bekerja dan kebaikan yang dia tunjukkan. Dia selalu membantu rakan-rakannya untuk menyelesaikan masalah pekerjaan dan sanggup bekerja hingga jauh malam untuk memastikan semua tugas yang diberikan dapat diselesaikan dengan sempurna. Syarikat tempat Farhan bekerja mampu meningkatkan prestasinya berkat sumbangan Farhan. Perbuatan baik Farhan memang tepat dengan peribahasa “jika asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau”. Orang yang baik, biar di mana pun tempatnya akan terus baik dan membawa kebaikan kepada orang lain.

PERBINCANGAN

Bincangkan sejauh mana didikan yang baik mampu menghindarkan seseorang daripada terpengaruh daripada pelbagai pengaruh yang kurang sihat di alam maya.

The background is a solid dark brown color. In the top right corner, there is a grid of small yellow dots. In the bottom left corner, there is a grid of small red dots. A large, red, jagged starburst shape is centered on the page. Inside this starburst, the words "KOMIK" and "PERIBAHASA" are written in a bold, yellow, hand-drawn font with thick black outlines. Surrounding the starburst are several stylized comic book explosion clouds. Some are white with black outlines and radiating lines, while others are brown with black outlines and radiating lines. In the top left corner, there are yellow scribbles that look like the number "66". In the bottom right corner, there are yellow scribbles that look like the number "99".

KOMIK PERIBAHASA

MAKTAB RENDAH

Saranan Aktiviti Pembelajaran

Pembelajaran peribahasa boleh dipelbagaikan agar menjadi lebih menarik dan menyeronokkan. Selain meminta pelajar untuk menghafal peribahasa dan maknanya atau meminta pelajar menulis cerita berdasarkan peribahasa dan maknanya, guru boleh merancang pembelajaran yang dapat memupuk pelajar untuk berfikir secara kritis, adaptif dan inventif.

Antaranya, guru boleh:

- melaksanakan pembelajaran berasaskan inkuiri untuk melaksanakan kajian tentang asal-usul, aspek budaya dan pemikiran Melayu yang terkandung dalam peribahasa Melayu
- membina komik untuk menjelaskan makna peribahasa dengan bantuan AI
- mencipta imej yang mencerminkan makna peribahasa dengan bantuan AI
- menulis cerpen yang mengandungi beberapa peribahasa
- perbincangan tentang kerelevanan dan peranan peribahasa dalam konteks kehidupan masa kini
- perbincangan untuk mencipta peribahasa baharu berdasarkan konteks kehidupan masa kini
- mencipta skit drama ringkas berdasarkan makna sebuah peribahasa
- mentransformasi sebuah peribahasa dan maknanya melalui sebuah lukisan
- mencipta sebuah sajak bertemakan makna sebuah peribahasa
- membina sebuah video atau animasi satu minit (video ringkas) untuk menjelaskan makna sebuah peribahasa
- melakukan kajian dan mengumpulkan peribahasa Melayu atau simpulan bahasa demi melestarikan falsafah, pemikiran dan budaya Melayu
- menghasilkan lagu yang mengandungi simpulan bahasa sebagai satu bentuk pengajaran
- bercerita spontan berkaitan makna peribahasa
- dan lain-lain lagi.



“Bagai cendawan tumbuh selepas hujan”

Maksud: Terlalu banyak pada sesuatu masa.



BAGAI MENGEPAL PASIR KERING

Sangat susah untuk menyatukan orang-orang yang
berbagai-bagai fikirannya.

1 Doni tidak suka mengemas biliknya yang berserak.



2 Doni lebih suka bermain dengan telefon bimbitnya sepanjang hari.



3 Waktu makan, Doni makan dengan lahap. Doni tidak hiraukan orang lain.



Bila dinasihati oleh adiknya, Doni berasa marah. Doni pantang ditegur.

5 Ibu, kenapa abang tidak berubah?



6 Jangan ikut teladan yang buruk.



JANGAN BERCERMIN DI AIR KERUH

Maksud: Jangan ikut teladan yang buruk.



JIKALAU TIDAK BERADA-ADA, MASAKAN TEMPUA BERSARANG RENDAH

Maksud: Tentu ada sebabnya seseorang itu bertindak sedemikian.

1



Mak Lela terkejut menerima panggilan telefon mengatakan anaknya terlibat dalam sebuah kemalangan di luar negara.

2



Anak Mak Cik terlibat dalam kemalangan di luar negara ...

3



Mak Cik perlu membuat pembayaran ...

Mak Lela diminta untuk membuat pembayaran dalam talian untuk membayar kos rawatan anaknya di hospital.

4



Baik periksa dahulu kesahihan berita ini.

Jiran Mak Lela menasihatinya agar memastikan dahulu berita itu.

5



Emak gembira engkau selamat.

Mak Lela segera menghubungi anaknya yang berada di luar negara untuk memastikan anaknya selamat.

6



Petang itu Mak Lela segera membuat laporan polis.

"Khabar jauh didengar-dengar, khabar dekat difikir-fikir"
Maksud: Apa pun berita yang didengar selidiki dulu kebenarannya.

1



Pemerintah telah mengumumkan tentang projek bendungan air dan pemprosesan air tawar untuk masa hadapan negara.

2



Bendungan air ini perlu canggih dan dapat memenuhi keperluan penduduk yang semakin bertambah jumlahnya.

Khidmat pelbagai pakar telah disatukan untuk projek itu. Setiap pakar mempunyai kepakaran mereka masing-masing.



4



Dengan menggunakan kelebihan kita masing-masing, projek ini pasti berjaya!

5



Khidmat pakar marin juga digembleng sama untuk memastikan segala kehidupan laut tidak terjejas malah bertambah biak.

6



Akhirnya, bendungan air yang canggih dan unik dapat dihasilkan berkat kerjasama pelbagai pakar yang terlibat.

LEBIH IKAN KERANA SIRIP, LEBIH BURUNG KERANA SAYAP
Maksud: Tiap-tiap pakar ada kelebihannya



1 Arman diambil sebagai anak angkat oleh Pak Jasman dan isterinya. Arman dijaga dengan baik.



2 Waktu siang, Pak Jasman bekerja sebagai pegawai sekuriti untuk membesarkan Arman.



3 Pak Jasman bekerja keras ...

Waktu malam, Pak Jasman menghantar makanan untuk membiayai kos pendidikan Arman.



4 Beberapa tahun kemudian ...

Arman lulus sebagai seorang peguam. Arman bertekad untuk membalas budi Pak Jasman.



5 Ketika Pak Jasman jatuh sakit, Arman yang merawat Pak Jasman di hospital.



6 Arman akan terus menjaga Pak Jasman dan isterinya selamanya. Budi dibalas dengan budi.


“Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa”
Maksud: Budi dibalas dengan budi.

1



Melalui sejarah, kita tahu ...

2



Patrice
Lumumba

Thomas
Sankara

Amílcar
Cabral

Samora
Machel

... ada beberapa negara di Afrika
yang kehilangan pemimpin mereka
akibat dibunuh atau terbunuh.

3



Negara menjadi huru-hara ...

4



Saling menyalahkan...

5



Rakyat memberontak ...

6



Rakyat menderita...

7



Apabila sesebuah negara kehilangan
pemimpinnya, akan kucar-kacirlah
negara itu.

PATAH KEMUDI PERAHU HANYUT

Rakyat yang kehilangan pemimpin
akan kucar-kacirlah jadinya.

1



Cikgu Airi sudah melatih para pemain pasukan bola sepak sekolah dengan gigih.

2



Penjaga gawang telah diberikan latihan khas untuk menangkap bola dengan baik.

3



Pemain pertahanan dilatih untuk bertahan secara berpasukan dan saling membantu.

4



Bahagian *midfield*

5



Bahagian serangan

6



Pasukan bola sepak bimbingan Cikgu Airi sudah bersedia untuk menghadapi pertandingan bola sepak tahun ini.

PENGAYUH SUDAH DI TANGAN, PERAHU SUDAH DI AIR
Maksud: Sudah siap sedia.



Empat rakan memulakan syarikat membina aplikasi untuk membantu masyarakat ...



Namun seorang rakan mendapat tawaran luar untuk menjual rahsia syarikat kepada pesaing.

Dia akhirnya mencuri sebahagian kod sumber dan menjualnya secara diam-diam.



Tiba-tiba, pesaing mengeluarkan produk serupa dengan ciri yang hampir sama...



Pasukan asal terkejut. Setelah disiasat, ada kebocoran maklumat dari dalam syarikat.

Setelah terbongkar, pasukan kehilangan kepercayaan terhadap satu sama lain.



Pelabur menarik diri, pelanggan mula meragui jenama mereka, dan syarikat itu menghadapi kejatuhan drastik.



Si pengkhianat akhirnya menyedari bahawa tindakannya telah merosakkan usaha bertahun-tahun rakan-rakannya.

SEBAB NILA SETITIK, ROSAK SUSU SEBELANGA

Maksud: Kejahatan yang sedikit merosakkan kebaikan yang banyak.



Rujukan



Megawati, F & Anugerahwati, M. (2012). Comic strips: A Study on the teaching of writing narrative texts to Indonesia EFL students. *TEFLIN Journal*, 23(2), 183-205.

<https://doi.org/https://dx.doi.org/10.15639/teflinjournal.v23i2/183-205>

Monoshri Mitra & Sheila Keziah (2019). Advantages of Using Comics Pedagogy in English Language Teaching- A Practical Approach. *Pramana Research Journal*. Volume 9, Issues 6, 2019.

<https://pramanaresearch.org/>

Poai, S.T. (2018). Teaching English Vocabulary using comic strips. *Sintuwu Maroso Journal of English Teaching (JET)*, 4(1), 51-58. Retrieved from

<https://ojs.unsimar.ac.id/index.php/sintuwumarosoJET/article/download/153/138>

Ramos, P. (2006). E possível ensinar oralidade usando historias em quadrinho? *Revista Intercambio*, XV, LAEL/PUC-SP.

Rengur, Z., & Sugirin, S. (2019). The Effectiveness of using comic strips to increase students' reading comprehension for the eight grade students of SMPN 1 Pundong, *Proceedings of the 6th International Conference on Educational Research and Innovation (ICERI 2018)*, 239-243. Retrieved from <https://dx.doi.org/10.2991/iceri-18.2019.49>

Sarma, L.S. (2016). Teaching English through comics. *Indian Journal of Applied Research*, 6(6), 283-284. Retrieved from [https://www.worldwidejournals.com/indian-journal-of-applied-research-\(IJAR\)/fileview/June_2016_1464768478_90.pdf](https://www.worldwidejournals.com/indian-journal-of-applied-research-(IJAR)/fileview/June_2016_1464768478_90.pdf)

Sharma, R. (2020). Comics: A tool of teaching language through literature. *International Journal fo Creative Research Thoughts (IJCRT)*, 8(4), 3200-3204. Retrieved from <https://ijcrt.org/papers/IJCRT2004452.pdf>

Smith, P., Goodmon, L., Hancock, R., Hartzell, k., & Hilbert, S. (2019). Graphic novelization effects on recognition abilities in students with dyslexia. *Journal of Graphic Novels and Comic*, 12(6). 1-18. https://www.researchgate.net/publication/334110023_Graphic_novelisation_effects_on_recognition_abilities_in_students_with_dyslexia. <https://doi.org/10.1080/21504857.1635175>

Syafii. M.L. (2019). Implementing writing process approach with pictures to improve the ability of the eight grades in writing recounts. *ETERNAL (English, Teaching, Learning and Reseach Journal)*, 5(2), 254-273. Retrieved from <https://www.readcube.com/articles/10.24252252Feternal.v52.2019.a7>

Vasileios Zagkotas (2025). Comics as Pedagogical Tools for Developing Emotional Intelligence in Primary Education: Theory, Practices, and Classroom Application. *Journal of Integrated Social Sciences and Humanities*. <https://ojs.sgsci.org/journals/jissh>

Warsi M.J. & Mohsin M. (2022). Comics as Pedagogical Approach to Language Teaching. *Language and Language Teaching Issue No. 22*, July 2022.

Wijaya E.A., Swastini, N.K.A., Adnyani N.L.P.S., & Adnyani, K.E.K. (2021). Comic Strips for language Teaching: The Benefits and Challenges According to Recent Research, Volume 7, Number 01, 2021.

Jawatankuasa Penerbitan



Penasihat:

Puan Norhayati Awang

Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura

Ahli Jawatankuasa:

Rahmat Subadah

Muslim Hanafiah

Muhamad Rafi Abu Bakar

Siti Faridah Omar

Haryati Surana

Salina Hussin


Arshid Abdullah

Nurul Huda Muhammad Yassin

66 Sekalung Budi

Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura menghulurkan setinggi-tinggi penghargaan kepada:

- semua Guru Kanan dan Guru Peneraju yang terlibat dalam Program e-Penyerapan pada tahun 2023; dan
- sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan e-penerbitan **KOMIK PERIBAHASA**.



PUSAT BAHASA MELAYU SINGAPURA AKADEMI GURU SINGAPURA KEMENTERIAN PENDIDIKAN SINGAPURA



Ministry of Education
SINGAPORE

